



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : TAKAFUL
KOD KURSUS : DPI2113
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas Jawapan Objektif

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

○

○

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH(10)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah pelan yang memberi perlindungan terhadap penyakit kritikal?
 - A Takaful Penyakit Kritikal.
 - B Takaful Perbelanjaan Perubatan.
 - C Takaful Perubatan Utama Lebihan.
 - D Takaful Perubatan Utama Komprehensif.

2. Yang manakah antara pernyataan berikut **bukan** definisi risiko?
 - A Kehilangan harta atau nyawa.
 - B Ketidakpastian tentang kerugian.
 - C Ketidakpastian tentang perkara yang akan berlaku pada masa hadapan.
 - D Penilaian tahap risiko bergantung kepada perhubungan di antara kekerapan dan kerosakan.

3. Apakah maksud tempoh bertenang dalam pelan takaful keluarga?
 - A Tempoh menunggu bayaran dividen.
 - B Tempoh untuk peserta membayar premium.
 - C Tempoh menunggu bayaran ganti rugi dari pihak Takaful.
 - D Tempoh untuk peserta berhak membuat keputusan sama ada ingin meneruskan atau membatalkan kontrak.

4. Apakah jenis produk takaful yang sesuai untuk En Aidham Hasshim bagi melindungi pinjaman perumahannya sekiranya beliau meninggal dunia?
 - A Takaful Keluarga.
 - B Takaful Pemilik Rumah.
 - C Takaful Kemalangan Diri.
 - D Takaful Bertempoh Gadaijanji (MRTT).

5. Manakah antara elemen asas yang berikut perlu dipenuhi dalam kontrak jual beli?

- i. Barang mestilah wujud.
- ii. Barang tidak semestinya mempunyai nilai.
- iii. Barang mestilah dimiliki sepenuhnya oleh penjual.
- iv. Barang tersebut mestilah boleh diserahkan kepada pembeli.

- A** i, ii dan iii
B i, iii dan iv
C ii, iii dan iv
D Semua di atas

6. Apakah matlamat takaful dalam ekonomi?

- i. Merangsang ekonomi masyarakat.
- ii. Memberi perlindungan kewangan dari kerugian.
- iii. Memberi kebebasan kewangan kepada masyarakat.
- iv. Memaksimumkan pulangan pemegang saham syarikat .

- A** i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C ii, iii dan iv
D Semua di atas

7. Yang manakah antara berikut bukan peril?

- A** Tsunami.
B Gempa bumi.
C Kebakaran hutan.
D Muatan berlebihan.

8. Yang manakah antara berikut adalah ciri-ciri operasi takaful?
- Dana takaful dilaburkan dalam pelaburan patuh syariah.
 - Pengendali takaful hanya menguruskan operasi takaful bagi pihak peserta.
 - Peserta adalah bertanggungjawab untuk melindungi antara satu sama lain melalui konsep *tabarru'*.
 - Pengendali takaful menjamin dan memberi perlindungan sebagai balasan ke atas sumbangan yang dibuat oleh peserta.
- A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C ii, iii dan iv
D Semua di atas
9. Pernyataan berikut yang manakah **paling tepat** mengenai syarikat insurans ?
- Syarikat insurans telah mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan di Malaysia.
 - Dengan pemindahan risiko, syarikat insurans menanggung sepenuhnya ketakutan dan kebimbangan.
 - Syarikat insurans mengumpul dana daripada premium yang dikutip dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi.
 - Penanggung insurans menanggung kerugian syarikat seterusnya membantu mereka memberi tumpuan kepada aktiviti perniagaan utama mereka.
10. Apakah objektif utama Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia?
- Memastikan operator takaful menggandakan keuntungan tahunan.
 - Menasihati syarikat Takaful berkenaan polisi dan rizab persekutuan.
 - Menyediakan dokumen undang-undang untuk institusi kewangan Islam patuh Syariah.
 - Menyeragamkan interpretasi syariah, memperkuat aspek peraturan dan kawalan, memantau dan menyediakan sekumpulan pakar penasihat syariah.

[10 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Jelaskan **lima (5)** kaedah menangani risiko.

(10 markah)

SOALAN 2

Jelaskan rangkai kata / istilah yang berikut :

- a. Prinsip indemniti
- b. Pihak ketiga
- c. *Tabarru'*
- d. Hilang Upaya Kekal
- e. Kontrak jangka pendek

(10 markah)

SOALAN 3

- a. Ahmad bekerja di Kuala Lumpur. Dia menyewa rumah berhampiran dengan kilang tempatnya bekerja. Abang Ahmad turut tinggal di rumah yang sama tetapi abangnya bekerja di sebuah syarikat pengangkutan di Shah Alam. Berdasarkan situasi di atas, bolehkah Ahmad menginsuranskan rumah sewanya. Berikan hujah anda.

(5 markah)

- b. Terangkan perbezaan antara risiko asas dan risiko khusus berserta contoh.

(5 markah)

SOALAN 4

Jelaskan **lima (5)** elemen penting bagi pembentukan kontrak insurans yang sah.

(10 markah)

SOALAN 5

a. Jelaskan **tiga (3)** syarat bagi memenuhi prinsip kepentingan boleh lindung.

(6 markah)

b. Terangkan **dua (2)** ciri kontrak insuran.

(4 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Terangkan **lima (5)** perbezaan antara takaful dan insurans.

(10 markah)

- b. Jelaskan **lima (5)** prinsip asas kontrak takaful.

(10 markah)

SOALAN 2

- a. Jelaskan **lima (5)** objektif penyeliaan terhadap industri takaful di Malaysia.

(10 markah)

- b. Terangkan **lima (5)** peranan Bank Negara Malaysia.

(10 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT